



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985

DR.27/1985

RANG UNDANG-UNDANG**bernama**

Suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

BAHAWASANYA telah dipersetujui di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang bahawa bahagian sempadan yang sedia ada di antara Negeri-Negeri yang tersebut diubah;

BAHAWASANYA Majlis Raja-Raja telah memersetujui Akta ini;

DAN BAHAWASANYA Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang telah melahirkan persetujuan mereka akan Akta ini oleh Enakmen Pengubahan Sempadan (Kedah dan Pulau Pinang) No. 3 Tahun 1985 bagi Kedah dan Enakmen Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang) No. 1 Tahun 1985 bagi Pulau Pinang;

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, melalui pemberitahuan dalam Warta.

Peng-
ubahan
sempadan
di antara
Negeri
Kedah dan
Negeri
Pulau
Pinang.

Taksubuk-
nya
sebahagian
Pulau
Pinang dari
Pulau
Pinang dan
kemungkinan
bahagian
itu dalam
Kedah.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

Peng-
ubahan
sempadan
di antara
Negeri
Kedah dan
Negeri
Pulau
Pinang.

2. (1) Bahagian sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang yang di sepanjang Sungai Muda adalah diubah kepada yang di sepanjang garis tengah alur Sungai Muda sebagaimana Sungai itu mengalir sebelum sahaja berkuatkuasanya Akta ini, pengubahan tersebut kepada sempadan yang ditunjukkan dalam Pelan diserahkan yang dikenalpasti mengikut Pelan Warta No. PW 1000 hingga PW 1008 sebagai Pelan—

(a) yang masing-masing diperakui oleh Pengarah Ukur, Kedah/Perlis, dan Pengarah Ukur, Pulau Pinang, sebagai Pelan sempadan yang diluluskan dan yang betul sebagaimana diubah sedemikian dan kawasan sekelilingnya; dan

(b) yang masing-masing bertarikh dan diserahkan dalam pejabat Pengarah Ukur, Kedah/Perlis, dan Pengarah Ukur, Pulau Pinang.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam peraliran Sungai Muda yang disebabkan oleh proses hakisan dan enaptimbus yang semulajadi dan secara perlahan-lahan, sempadan itu hendaklah mengikut peraliran berubah Sungai di sepanjang garis tengah alur Sungai itu.

Takmasuk-
nya
sebahagian
Pulau
Pinang dari
Pulau
Pinang dan
kemasukan
bahagian
itu dalam
Kedah.

3. Bahagian Negeri Pulau Pinang yang mengandungi—

(a) Sungai Muda yang bermula dari garis tengah alur Sungai Muda hingga tebing utara Sungai itu; dan

(b) kawasan yang diwarnakan hijau dalam Pelan No. PW 1003 diserahkan yang dirujukkan dalam seksyen 2;

(kemudian dari ini dalam Akta ini disebut “kawasan yang tersebut”) hendaklah, berbangkit daripada pengubahan sempadan yang tersebut di atas—

(aa) tidak lagi menjadi sebahagian dari Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang hendaklah melepas dan berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan terhadap kawasan yang tersebut, dan semua kuasa dan bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dan Badan Perundangan Negeri Pulau Pinang dalam dan berkenaan dengannya hendaklah berakhir; dan

(bb) menjadi sebahagian dari dan terletak pada Negeri Kedah, dan Raja Negeri Kedah hendaklah menjalankan kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa dalam dan berkenaan dengannya, dan Badan Perundangan Negeri Kedah hendaklah menjalankan kuasa perundangannya dalam dan berkenaan dengannya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang menurut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

2. Bahagian yang berkenaan bagi sempadan yang sedia ada di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang di sepanjang tebing kanan (tebing utara) Sungai Muda sebagaimana diperuntukkan di bawah perjanjian di antara Kerajaan Baginda Queen dan Kerajaan Raja Siam yang bertarikh 6hb Mei 1869, adalah bertujuan untuk diubah oleh *subfasal (1) fasal 2* Rang Undang-Undang kepada yang di sepanjang garis tengah alur Sungai Muda sebagaimana Sungai itu mengalir sebelum sahaja berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini. *Subfasal (2) fasal 2* bertujuan membuat peruntukan mengenai sempadan tersebut sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam peraliran Sungai itu yang disebabkan oleh proses hakisan dan enaptimbus yang semulajadi dan secara perlahan-lahan.

3. Pada tahun 1973 suatu lencongan buatan akan peraliran Sungai Muda telah menyebabkan suatu kawasan yang dimiliki oleh Negeri Pulau Pinang menjadi terletak di sepanjang tebing utara Sungai itu. Berbangkit daripada pengubahan sempadan sebagaimana diperuntukkan di bawah *fasal 2, fasal 3* bertujuan memperuntukkan bahawa kawasan yang disebut di atas dan juga Sungai Muda yang bermula dari garis tengah alur Sungai Muda hingga tebing utara sungai itu hendaklah berhenti daripada menjadi sebahagian dari Negeri Pulau Pinang dan hendaklah menjadi sebahagian dari dan terletak pada Negeri Kedah, dan dengan itu, kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa yang dijalankan dalam dan berkenaan dengannya hendaklah diambil alih oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi Negeri Kedah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 1354.]

1. This Act may be cited as the Kedah and Penang (Alteration of Boundary) Act 1985 and shall come into force on such date as the Yang di-Pertuan Agong may, by notification in the Gazette, appoint.

Short title
and com-
mencement.